

penjana

Pelan Jana Semula Ekonomi Negara

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

1GB PERCUMA BAGI PERKHIDMATAN BERKAITAN PENDIDIKAN DAN PRODUKTIVITI

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

1. Adakah tawaran baharu 1GB Harian Internet Produktiviti percuma?

- Ya. Memandangkan ramai rakyat Malaysia masih terus bekerja dan belajar dari rumah, dan selaras dengan rancangan pemulihan jangka pendek kerajaan, pembekal perkhidmatan mudah alih seperti Celcom Axiata Berhad ("Celcom"), Digi Telecommunications Sdn Bhd ("Digi"), Maxis Berhad ("Maxis"), U Mobile Sdn Bhd ("U Mobile") dan unifi mobile akan terus menyokong keperluan pekerjaan dan pembelajaran rakyat. Tawaran ini membolehkan akses kepada pelbagai perkhidmatan yang berkaitan dengan produktiviti dan maklumat terkini.

2. Bolehkah 1GB Harian Internet Produktiviti percuma digunakan sepanjang hari?

- Ya. Bagi meneruskan sokongan terhadap perkhidmatan berkaitan dengan produktiviti, pembekal perkhidmatan dengan kerjasama MCMC telah memutuskan untuk melanjutkan tawaran 1GB Harian Internet Produktiviti kepada 24 jam dan bukannya terhad kepada 8 pagi sehingga 6 petang sahaja.



3. Bilakah 1GB Harian Internet Produktiviti percuma akan mula ditawarkan untuk tempoh 24 jam?

- Pelanggan aktif boleh menikmati tawaran ini bermula 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2020, tertakluk kepada ketersediaan teknikal pembekal perkhidmatan masing-masing.

4. Siapa yang akan dapat menikmati tawaran 1GB Harian Internet Produktiviti percuma?

- Semua pelanggan pascabayar dan prabayar aktif Celcom, Digi, Maxis, U Mobile and unifi mobile akan menikmati tawaran ini daripada pembekal perkhidmatan masing-masing, melainkan mereka yang melanggan pelan data tanpa had, gentian optik dan pelan perkhidmatan jalur lebar kediaman tanpa wayar (*home wireless*). Pelanggan boleh merujuk kepada pembekal perkhidmatan masing-masing untuk menyemak kelayakan tawaran ini.

5. Berapa banyak data yang dapat ditebus oleh pelanggan?

- Pelanggan boleh menebus sehingga 30GB data percuma setiap bulan (1GB setiap hari), tertakluk kepada proses penebusan yang ditetapkan oleh pembekal perkhidmatan masing-masing. 1GB Harian Internet Produktiviti percuma ditawarkan kepada pelanggan sebagai tambahan kepada kuota data sedia ada. Sebagai contoh, bagi pelanggan yang telah melanggan untuk pakej 30GB data sebulan, pelanggan tersebut akan mendapat 1GB tambahan setiap hari tanpa sebarang bayaran.



6. Sehingga bilakah pelanggan dapat menikmati tawaran 1GB Harian Internet Produktiviti percuma?

- Tawaran ini boleh ditebus sehingga 31 Disember 2020.

7. Bagaimanakah cara menebus tawaran 1GB Harian Internet Produktiviti Percuma?

- Pelanggan boleh merujuk kepada pembekal perkhidmatan masing-masing untuk maklumat lanjut. Berikut adalah pautan laman sesawang pihak syarikat pembekal perkhidmatan yang terlibat:

Pembekal Perkhidmatan	Pautan Laman Web untuk Rujukan
Celcom	https://www.celcom.com.my/support/faq/personal#personal-shop-covid-19-support
Digi	https://community.digi.com.my/t5/Let-s-Inspire/DigiCares-Enjoy-Free-1GB-for-Education-Productive-and/ba-p/76436
Maxis	https://www.maxis.com.my/campaigns/stay-home-stay-connected/free-1gb/?_ga=2.36125033.859280807.1591502710-1470709251.1589709485&_gac=1.45812496.1591502776.EAIaIQobChMI8P_3yunu6QIV030rCh21GAyQEAAAYASAAEqJHCfD_BwE#maxis-customers-faq
U Mobile	https://www.u.com.my/support/selfhelp/faqs/64/5753
TM	https://unifi.com.my/sites/default/files/html/assets_mobile/doc/postpaid/FAQ-Complimentary-Daily-1GBLTEPass-unifi%20Mobile-ver5a_15062020.pdf

Nota: Sila rujuk kepada pembekal perkhidmatan masing-masing untuk mendapatkan pautan terkini soalan-soalan lazim



8. Adakah penebusan 1GB Harian Internet Produktiviti Percuma ini perlu dibuat sekali sahaja ataupun setiap hari?

- Pelanggan boleh merujuk kepada pembekal perkhidmatan masing-masing untuk maklumat lanjut.

9. Data kuota manakah yang akan diguna pakai terlebih dahulu? 1GB Harian Internet Produktiviti percuma ataupun plan data langganan sedia ada?

- Penggunaan untuk tujuan produktiviti dan maklumat terkini akan menggunakan 1GB Harian Internet Produktiviti percuma terlebih dahulu. Setelah kuota percuma tersebut habis digunakan, sebarang penggunaan data tambahan akan mengguna pakai kuota plan data langganan sedia ada.

10. Apakah yang akan terjadi sekiranya 1GB Harian Internet Produktiviti percuma tidak habis digunakan selepas 24 jam?

- Data yang tidak habis digunakan pada hari tersebut tidak boleh dibawa ke hari berikutnya.

11. Apakah aplikasi/perkhidmatan/laman web berkaitan maklumat yang boleh dilayari secara percuma?

- Pembekal perkhidmatan juga akan terus menawarkan akses secara percuma dan tanpa had ke pelbagai aplikasi dan perkhidmatan berkaitan maklumat bagi memastikan rakyat Malaysia mendapat maklumat terkini mengenai COVID-19.



Pelanggan boleh terus menikmati akses percuma tanpa had untuk aplikasi dan perkhidmatan berikut sehingga 31 Disember 2020: Aplikasi Gerak Malaysia, MySejahtera dan MyTrace, laman kesihatan dan berita seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO); dan panggilan percuma ke talian Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis (CPRC).

Sila rujuk kepada pembekal perkhidmatan masing-masing untuk mendapatkan senarai penuh akses percuma yang ditawarkan.

12. Bagaimanakah cara untuk mendapatkan akses kepada perkhidmatan yang tidak berkaitan dengan produktiviti?

- Pelanggan yang ingin mengakses video, media sosial, permainan atas talian dan muzik boleh berbuat demikian menggunakan langganan pelan data sedia ada. Pelanggan boleh merujuk kepada pembekal perkhidmatan masing-masing untuk mendapatkan butiran lanjut mengenai pelan data yang ditawarkan.

13. Adakah terdapat pelan mampu milik untuk golongan berpendapatan B40?

- Pembekal perkhidmatan juga menawarkan pelbagai pakej mampu milik untuk pelanggan membuat pilihan termasuk pelan data tanpa had sekiranya pakej 1GB Harian Internet Produktiviti ini tidak mencukupi. Sila



rujuk kepada pembekal perkhidmatan masing-masing untuk mendapatkan butiran lanjut mengenai ketersediaan pakej tersebut.

Soalan-soalan lazim ini dikemas kini pada 30 Jun 2020 dan tertakluk kepada perubahan dari masa ke masa. Sila rujuk kepada pembekal perkhidmatan masing-masing untuk mendapatkan maklumat terkini.

Disediakan oleh:

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

